



SURUHANJAYA PILIHAN RAYA MALAYSIA

## KENYATAAN MEDIA

Bil. 16/2019

### BAKAL CALON PRK DUN N.24 SEMENYIH DIGESA ISI DAN SEMAK BORANG PENCALONAN SEBELUM HARI PENAMAAN CALON

1. Semua bakal calon yang berhasrat untuk bertanding dalam Pilihan Raya Kecil (PRK) DUN N.24 Semenyih, Selangor adalah digesa supaya mengisi dan membuat semakan awal pengisian borang pencalonan mereka di Pejabat Pegawai Pengurus iaitu di Pejabat Majlis Perbandaran Kajang atau Pejabat Pilihan Raya Negeri Selangor sebelum Hari Penamaan Calon.
2. Tujuan semakan awal ini adalah untuk memastikan semua bakal calon mengisi borang tersebut dengan betul dan menepati syarat serta kelayakan yang ditetapkan bagi mengelakkan berlakunya kesilapan pengisian borang sebelum Hari Penamaan Calon. Langkah ini dapat menjamin proses penamaan calon pada Hari Penamaan Calon berjalan lancar dan mengikut tempoh masa yang ditetapkan. Malah ia juga dapat memberi peluang kepada parti-parti yang calonnya didapati tidak layak semasa semakan awal untuk membuat persiapan sewajarnya pada Hari Penamaan Calon.
3. Walau bagaimanapun, adalah ditegaskan bahawa Kertas Penamaan Calon yang telah lengkap diisi dan disemak oleh Pejabat Pegawai Pengurus Pilihan Raya atau Pejabat Pilihan Raya Negeri Selangor itu hendaklah dikemukakan oleh bakal calon atau penyokong atau pencadangnya kepada Pegawai Pengurus semasa Hari Penamaan Calon di Pusat Penamaan Calon yang telah ditetapkan oleh SPR pada Sabtu, 16 Februari 2019.

4. Selain daripada itu, bakal-bakal calon juga turut digesa untuk membuat pembayaran deposit (deposit pilihan raya dan deposit bahan kampen) lebih awal. Bakal-bakal calon juga adalah diminta untuk mengambil pas-pas calon, pencadang dan penyokong selepas bayaran deposit dibuat bagi tujuan kebenaran memasuki Pusat Penamaan Calon. Ini adalah untuk memastikan semua proses penamaan calon dapat diselesaikan dengan lebih cepat dan berjalan lancar pada Hari Penamaan Calon kelak.

Sekian, terima kasih.

**AZHAR AZIZAN HARUN**

Pengerusi

Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia (SPR)

Tarikh : 11 Februari 2019 / 6 Jamadil Akhir 1440H